

Hakikat
**TAWASSUL
DAN
WASILAH**

DALAM PANCARAN KITAB DAN SUNNAH

Kandungan

حَقِيقَةُ التَّوَسُّلِ وَالْوَسِيلَةِ
عَلَى ضَوْءِ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ

Hakikat
**TAWASSUL
DAN
WASILAH**

DALAM PANCARAN KITAB DAN SUNNAH

Penterjemah
USTAZ HAJI ALI HAJI MOHAMED



Kandungan

Judul

HAKIKAT TAWASSUL DAN WASILAH

Penterjemah

USTAZ HAJI ALI HAJI MOHAMED

© 2004 Hakcipta Terpelihara oleh

THINKER'S LIBRARY SDN. BHD.

Diterbitkan oleh

THINKER'S LIBRARY SDN. BHD.

(Co. No. 110008-D)

123, Jalan Jasa Tiga, Taman Jasa, Sungai Tua,

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6189 7570 Faks: 03-6187 8525

Email: thinkers@tm.net.my

Cetakan Pertama 2004

ISBN 967-69-0485-6

Dicetak oleh
Sprint Service

Kandungan

Kandungan

Muqaddimah	vii
Pendahuluan	1

BAB 1

- Tawassul Dan Wasilah Dalam Pancaran Al-Quran Dan As-Sunnah 41
- Ziarah dan Dalil Syariatnya 83
- Disyariatkan Keberangkatan Melakukan Ziarah 106
- Adab-adab Ziarah 146

BAB 2

- Syubhat Orang Yang Ingkar Terhadap Tawassul Berserta Jawapan Terhadap Mereka 159
- Syubhat Mengingkari Istighathah Dengan Perantaraan Orang Mati Berserta Jawabannya 185
- Syubhat Ingkar Ziarah Kubur Nabi Dan Orang-orang Soleh Berserta Jawabannya 210
- Syubhat Mengingkari Solat Di Masjid Yang Berkubur Berserta Jawapan Terhadapnya 228
- Syubhat Mengingkari Sampainya Pahala Al-Quran Dan Doa Kepada Si Mati Berserta Jawapan Terhadapnya 243

BAB 3

- Kehidupan Para Nabi Dan Lain-lain Di Kubur Mereka Beserta Jawapan Atasnya 281
 - *Kehidupan Para Nabi Di Kubur Mereka* 282
 - *Kehidupan Para Syuhada' Di Kuburnya* 301
 - *Kehidupan Semua Orang Mati Dikuburnya* 314
- Wali-wali Allah Beserta Ketetapan Karamah Yang Dimiliki ... 340
 - *Karamah Para Wali* 375
 - *Karamah Para Wali Setelah Wafatnya* 402
- Mencium Tangan Dan Mencari Berkat Dengan Peninggalan Orang-orang Soleh 426
 - *Mencari Berkat Dengan Athar Orang-orang Soleh* 446

BAB 4

- Zikir Dan Hikmah Disyariatkan Berdasarkan Al-Quran Dan As-Sunnah 471
 - Jenis-jenis Zikir* 486
 - Keutamaan Zikir Jahar* 488
 - Zikir Munfarid Dan Zikir Bersama Jama'ah* 508
 - Zikir Muqayyad Dan Zikir Muthlaq* 511
 - Pergerakan Di Dalam Zikir* 518
- Keutamaan Dan Buah Zikir 524
 - Zikir Dengan Tasbih Dan Doa* 545
 - Buah Zikir* 549
- Tasbih Dan Dalil Disyariatkan 561

BAB 5

- Sebutan Sayyid Bagi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam 577
- Disyariatkan Selawat Dan Salam Untuk Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam 643
 - Makna Selawat Bagi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* 667**
- Tempat-tempat Selawat Untuk Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Dan Faedahnyanya 677
 - Hasil Selawat Untuk Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam 704
 - Selawat Dan Salam Yang Ma'thurah Bagi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* 711
- Syafaat Dan Dalil Ketetapanannya Bagi Rasulullah 719

Kutubul Maraji' 748

MUQADDIMAH

Alhamdulillah, sesungguhnya segala puji dan syukur adalah hak Allah s.w.t. Tidak terhingga keluasan kurniaanNya kepada kita, dan tiada kurniaan yang lebih besar dari hidayahNya iaitu Islam dan seterusnya mencetak kita sebagai umat di bawah naungan RasulNya yang terulung, Nabi Muhammad s.a.w.

Dengan kerendahan hati, wajib kita bersyukur kerana tergolong dalam umat manusia yang telah diilhamkan untuk mentauhidkan Allah s.w.t, dan diberi petunjuk untuk menghindari perlakuan syirik atau menduakanNya. Kita harus menyedari kelemahan kita, dan memohon diajar dan dibimbing cara bersyukur yang mendayakan kita mengenaliNya, Pencipta kita dan sekalian alam.

Perlu pula kita bersyukur disebabkan kurniaan dan kesempatan menjadi umat Nabi Muhammad s.a.w, manusia termulia dari sekalian mahluk. Dalam rangkaian kurniaan ini, tiadalah yang lebih utama dari luangan yang terbuka untuk kita menerima ajaran Islam, Iman dan Ihsan.

Islam adalah agama samawi. Iaitu agama yang datang daripada Allah s.w.t. Agama yang bebas dari sentuhan atau inovasi manusia. Sebagai bukti agama ini bersumber daripada Allah s.w.t, telah diturunkanNya Al Quran menerusi Rasul pilihanNya untuk Baginda s.a.w sendiri menyampaikan Risalah itu, menunjukkan cara mengamalkannya dan melengkapi melalui penghayatan seruan Al Quran dengan sesempurnanya. Firman Allah s.w.t.:

يَأْتِيهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ
 مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ
 مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

“Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanatnya. Dan Allah memelihara kamu dari gangguan manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.”

(Al-Maaidah: 67)

Seluruh kewujudan dan akhlak Muhammad s.a.w melambangkan Al Quran. Penjiwaan sempurna diri Nabi Muhammad s.a.w terhadap intipati Al Quran dicerminkan pada setiap zarah keperibadiannya. Kita dapati ini pada himpunan pertuturan, perlakuan dan isyaratnya. Kita kenalnya sebagai Hadis Nabawi yang dipacu oleh bimbingan wahyu. Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam Al-Quran:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ
 عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ
 رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari antara kamu, dia menanggung berat apa yang dideritai kamu, sangat mengambil berat terhadap perkara kamu, sangat penyantun dan pembelas kepada kaum Mukminin.”

(At-Taubah: 128)

Nabi Muhammad s.a.w. diperuntukkan masa yang amat singkat untuk menyempurnakan suatu perlembagaan manusia. Perlembagaan yang menjadi garis pandu hidup dan peranan

manusia di atas muka bumi ini, yang bermatlamatkan pencapaian hidup bahagia di dunia dan di akhirat. Namun, dalam kesempitan waktu itu, Nabi Muhammad s.a.w telah berjaya menyampaikan risalahnya dengan sempurna. Setiap suruhan dan larangan Allah s.w.t telah diperincikan sebagai panduan yang lengkap yang didasari oleh petunjuk Al Quran. Tujuan dasarnya adalah menyediakan suatu peradaban murni, yang membawa manusia ke jalan yang benar dan menghindari kesesatan melalui pegangan teguh Al Quran dan As Sunnah.

Rasulullah s.a.w. bersabda :

مَا تَرَكْتُ مِنْ شَيْءٍ يُقَرِّبُكُمْ إِلَى الْجَنَّةِ إِلَّا وَقَدْ أَمَرْتُكُمْ بِهِ،
وَلَا مِنْ شَيْءٍ يُقَرِّبُكُمْ إِلَى النَّارِ إِلَّا وَقَدْ نَهَيْتُمْ عَنْهُ

‘Tidakku tinggalkan sesuatu yang mendekatkan kamu kepada syurga, kecuali sudahku perintahkan kepada kamu. Dan tidak ada sesuatu yang mendekatkan kepada api neraka, kecuali sudahku larang kamu darinya.’

Alangkah bahagia para sahabat yang sentiasa mendampingi Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya, mereka merupakan manusia yang terpilih yang secara langsung dikurniakan petunjuk di bawah naungan didikan, bimbingan dan fatwa Nabi s.a.w. Bertuah juga para salihin yang berkesempatan berinteraksi dan menerima tunjuk ajar para sahabat Rasulullah s.a.w. Walaupun mereka tidak berpeluang bersama Rasulullah s.a.w, namun mereka berada di suatu zaman yang amat dekat dengan kehadiran Baginda s.a.w. Mereka masih berkesempatan menikmati keharuman suasana di mana Rasulullah s.a.w. baru sahaja berada di dalamnya. Kita kenali mereka sebagai para tabi’in dan ikutan dan ikatan pertalian seterusnya. Para sahabat, tabi’in dan rangkaian seterusnya itulah yang berhak diberi gelaran Rijal yang berganti-gantian meneraju umat Muhammad s.a.w.

Diriwayatkan oleh Abu Nu’aim, Abdullah ibn Umar Radhiyallahu Anhuma berkata: “Barangsiapa yang ingin meniru,

hendaklah ia meniru perjalanan orang yang sudah mati, iaitu perjalanan para sahabat Nabi Muhammad S.A.W, kerana mereka itu adalah sebaik-baik ummat ini, dan sebersih-bersihnya hati, sedalam-dalamnya ilmu pengetahuan, dan seringan-ringannya penanggungan. Mereka itu adalah suatu kaum yang telah dipilih Allah untuk menjadi para sahabat NabiNya S.A.W dan bekerja untuk menyebarkan agamaNya. Kerana itu, hendaklah kamu mencontohi kelakuan mereka dan ikut perjalanan mereka. Mereka itulah para sahabat Nabi Muhammad S.A.W yang berdiri di atas jalan lurus, demi Allah yang memiliki Ka'bah!" (Hilyatul-Auliya' 1:305)

Dari gunung-ganang dan padang pasir tandus Semenanjung Arab, Islam telah bergerak kemuka dengan kelajuan yang menakjubkan. Dalam jangka setengah abad setelah kewafatan Rasulullah s.a.w, Islam telah bertapak di tiga benua. Harus diperjelaskan bahawa penerimaan Islam sebenarnya didasari oleh ketulusan At Tauhid dan penekanan bahawa kewujudan setiap insan dinaungi rahmah Allah s.w.t. Hanya pada permulaannya, Islam digugat begitu keras oleh kaum jahiliah di Semenanjung Arab yang memerlukan penanganan sewajarnya.

Islam merupakan agama sejagat. Itulah sebabnya tamadun Islam ditunggak oleh kesatuan yang sesungguhnya tegas menentang diskriminasi bangsa atau kaum. Bangsa-bangsa besar yang menganut Islam seperti Arab, Parsi, India, Melayu, China, Turki dan Afrika, semuanya telah memberi sumbangan kepada pembangunan peradaban Islam. Islam amat menggalakkan umatnya belajar dan mengenal budaya saudara-saudara mereka yang berlainan tetapi penuh keistimewaan. Tamadun sejagat yang dicipta Islam membolehkan manusia dari pelbagai latar belakang bekerjasama dalam menyemai berjenis-jenis benih ilmu. Apa yang timbul dari penyatuan peradaban tadi merupakan suatu 'mukjizat' ilmu yang berdaya memacu kemajuan hingga hari ini.

Kesejagatan Islam juga telah menjemput kepelbagaian terjemahan aspek-aspek agama. Tidak kurang pula kita jumpakan pengadunan fahaman Islam dengan adat resam. Sudah pasti itu menyebabkan lahirnya perlakuan-perlakuan

yang berkisar jauh dari inti pengajaran Islam. Bila sesuatu itu telah jauh dari sumbernya, kecuaiian dan kelekaan akan meresap dan akibatnya ketulinan akan terkabur. Inilah kelemahan besar yang terdapat pada umat Rasulullah s.a.w pada zaman ini sepinggalan Baginda lebih 1400 tahun dahulu. Kita perlu insaf bahawa campur aduk dalam fahaman agama, kelemahan umat dan kurangnya kesatuan dan perpaduan merupakan kesan dari perilaku para penganut Islam sendiri.

Kita bersyukur kerana masih ada lagi sebilangan umat Islam yang terus cuba mengkaji dan menyelidik Al Quran dan Al Hadis, mencari dan menegakkan kebenaran. Alhamdulillah, bukti utama kebenaran Islam iaitu Al Quran dan Al Hadis tetap terpelihara. Kesahihan Kitab Allah s.w.t dan sunnah RasulNya s.a.w hingga ke hari ini, menjelaskan bahawa inilah kemampuan yang di luar jangkauan manusia. Hanyasanya, Allah s.w.t yang berkuasa menjaga Al Quran dan Al Hadis, walaupun dalam suasana hari ini di mana manusia sudah mula sombong dengan ilmu dan keupayaan berfikirnya, dan lebih condong untuk mengkufuri nikmat Allah s.w.t. Walau dalam apa keadaan pun, kesucian agama Islam tetap terjaga kerana ia bukan rekaan manusia. Ini jelas difirmankan oleh Allah s.w.t:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya”

(Al-Hijr : 9)

Dari hubungan manusia dengan Allah s.w.t, manusia sesama manusia, adab dan tatasusila pergaulan lelaki dengan wanita, antara manusia dengan haiwan, jalinan manusia dengan tumbuh-tumbuhan, kaitan manusia dengan alam semesta sehingga yang terpenting sekali iaitu hubung kait manusia dengan alam akhirat.

Sekiranya, manusia lupa terhadap nikmat Allah s.w.t, itu tidak sekali-kali mengurangkan kewibawaan agama Allah s.w.t. Sesungguhnya, Allah s.w.t., Pencipta segala sesuatu dan yang berhak disembah tetap memelihara kemurnian Islam.

Keadaan dunia waktu ini, yang sentiasa bergejolak dan jarang sangat memberi ketenteraman, mengingatkan kita kepada perjuangan dan ijtihad para ulama untuk menguasai ilmu sejak ratusan tahun dahulu. Kita harus mengingati jasa mereka dan merindui perjuangan mereka. Apa yang mereka lakukan adalah semata-mata untuk meninggikan martabat agama dan umat Islam. Merekalah pewaris perjuangan Rasulullah s.a.w. Harus kita fikirkan kehidupan kita hari ini tanpa jasa dan sumbangan mereka. Atas kepimpinan merekalah kita masih berdaya menerima bimbingan, panduan dan hidup terarah. Dengan keberkahan merekalah kita masih dapat menjaga keterlanjuran hawa nafsu, kesombongan dari kononnya daya akal yang semakin hebat, dan perlakuan kehaiwanan atau lebih buas dari itu. Didikan dan contoh merekalah yang menyemarakkan semangat kita untuk memperbaiki akhlak kita.

Dari pokok Ad Din yang merangkum Iman, Islam dan Ihsan, para ulama telah menghuraikan pelbagai dahan ilmu. Apakah tidak wajib kita bersyukur atas kurniaan petunjuk Allah s.w.t melalui para ulama itu?

Justeru, baik sangkalah terhadap para ulama yang telah menghabiskan masa hidup mereka mengkaji dan menghuraikan secara terperinci bermacam-macam cabang ilmu. Sebagai insan, pasti sukar untuk setiap mereka menguasai semua bidang ilmu. Tetapi, Alhamdulillah, dengan kurnai Allah s.w.t, pelbagai bentuk ilmu itu mampu dibangun dan disajikan dengan adanya pengkhususan bidang, dan kurniaan bakat dan kemahiran kepada mereka oleh Allah s.w.t.

Yang anehnya, ada di kalangan umat yang berani mengkritik, malah menyalahkan pegangan dan fahaman para ulama itu. Sedangkan begitu nyata bahawa para pengkritik itu bukanlah mereka yang setanding atau memiliki kemampuan yang seimbang. Tidak keterlaluan sekiranya disebut bahawa mungkin belum terdaya mereka membaca dan memahani sebahagian dari karangan para ulama itu. Mungkin lebih berakhlak jika diusahakan kajian yang mendalam mengenai karangan atau fahaman para ulama sebelum sesiapa cuba menyalahinya.

Buku Hakikat Tawassul dan Wasilah, karangan Sheikh Musa Muhammad Ali ini, kami pilih untuk diterjemahkan, dari bahasa Arab, kerana dirasakan penting bagi mereka yang ingin mengetahui secara ilmiah tentang mawdhu-mawdhu, yang mungkin ada kekeliruan terhadap kesahihannya. Ia juga bertujuan menjadi penawar bagi segala tengkarah dan lontaran tuduhan yang tidak wajar. Harus sekali kita berbaik sangka dan berlapang dada dalam mengkaji sesuatu bidang ilmu. Cuba kita hindarkan dari bahaya emosi yang hanya menghanyutkan kita ke arus pertelingkahan.

Alhamdulillah, dengan bantuan sahabat-sahabat kami, buku Hakikat Tawassul dan Wasilah ini dapat diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Dengan rasa rendah hati dan menyedari kelemahan pada diri kami, kami percaya terdapat banyak kekurangan dalam penterjemahan ini. Untuk itu, kami mohon maaf kepada sidang pembaca. Kami juga mengharapkan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat untuk bekalan hari muka.

Kami berhutang budi kepada para sahabat yang arif yang telah membantu untuk menyempurnakan terjemahan ini. Semoga segala sumbangan dan kerjasama mereka menemui keredaan dan rahmah Allah s.w.t.

Ke hadrat Allah s.w.t, kami berdoa dan bermohon menjadikan amal ini suatu amalan ikhlas, bermanfaat kepada kami dan sekalian kaum Muslimin.

Ustaz Haji Ali Bin Haji Mohamed
Singapura
01 Oktober 2003
4 Sya'aban 1424

[CLICK HERE TO CONTINUE...](#)

Kandungan

